

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

BZT 311/3 - Biologi Haiwan Perosak Vertebrata

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

[BZT 311/3]

1. Terangkan ciri-ciri biologi yang membolehkan *Rattus norvegicus* (Tikus Norway atau Tikus Mondok) berjaya sebagai spesies perosak di kawasan pembangunan dan penempatan manusia.

(20 markah)

2. Bincangkan mekanisme tindakan rodentisid anti-koagulan serta berikan contoh-contoh bahan aktif yang bersesuaian untuk rodentisid jenis tersebut.

(20 markah)

3. Terangkan langkah-langkah penting dalam pengurusan makhluk perosak bersepadu (IPM) untuk pengawalan populasi rodent.

(20 markah)

4. Beri definisi perosak. Bincangkan situasi di mana burung dianggap sebagai:

- (a) Perosak Semulajadi.
- (b) Perosak Bergantung Kepada Keadaan.
- (c) Berpotensi Menjadi Perosak.

(20 markah)

5. Terdapat beberapa spesies burung yang dikenalpasti sebagai perosak. Berikan LIMA (5) contoh spesies burung perosak dan terangkan jenis dan tahap kerosakan. Bincangkan juga langkah-langkah kawalan yang boleh diambil.

(20 markah)

[BZT 311/3]

6. Sebagai Pengarah, Jabatan PERHILITAN, bincangkan pelan tindakan yang perlu diambil jika terdapat aduan bahawa sekumpulan burung sering datang memakan bunga dan buah-buahan didusun yang mengakibatkan kerugian kepada pemilik dusun.

(20 markah)